

Dadah RM10.53 juta dicampak ke laut

Oleh **NOOR HASLIZA NUSI**
utusannews@mediamulia.com.my

GEORGETOWN: Dua suspek rela mencampakkan dadah bernilai RM10.53 juta ke laut bagi mengelakkan daripada ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).

Mereka juga bertindak nekad terjun ke laut dengan membiarkan bot yang digunakan untuk menyeludup dadah itu memecut laju sebagai helah daripada ditangkap.

Pengarah Maritim Negeri, Kepten Maritim Abd Razak Mohamed berkata, dalam Op Periti dijalankan sepasukan enam anggota bot pemintas mengesan sebuah bot rekreasi berwarna putih yang dinaiki dua lelaki dalam keadaan mencurigakan di perairan berkenaan.

Abd Razak berkata, dua suspek lelaki itu enggan memberi kerjasama dan cuba meloloskan diri dengan memandu bot secara merbahaya ketika melihat kehadiran anggota keselamatan.

“Bot itu dikejar bot Maritim



ABD. Razak Mohamed (dua dari kanan) ketika menunjukkan sebahagian dadah bernilai RM10.53 juta dalam sidang akhbar semalam. - UTUSAN/AMIR IRSYAD OMAR

Malaysia kira-kira 30 minit dalam keadaan gelap dan laut bergelombang. Suspek juga dilihat mencampakkan beberapa objek ke laut sebelum

bertindak terjun dengan memakai jaket keselamatan.

“Bot yang dinaiki mereka dibiarkan memecut laju sebagai helah untuk mengelak di-

tangkap. Kepantasan anggota akhirnya berjaya menarik semula sembilan objek iaitu beg pakaian daripada tenggelam dan dibawa arus,” katanya

dalam sidang akhbar di sini semalam.

Katanya, hasil pemeriksaan menemukan 240 pekete dadah jenis Methamphetamine seberat 240 kilogram (kg) yang diisi di dalam lapan beg pakaian berwarna hitam manakala satu lagi mengandungi tujuh bungkus pil ekstasi pelbagai warna seberat 9.3kg.

Tambahnya, nilai pasaran bagi setiap bungkus dadah itu adalah RM46,000 manakala nilai keseluruhan rampasan dadah adalah RM10.53 juta dan turut disita adalah bot rekreasi tanpa nombor pendaftaran dengan nilai RM150,000.

Katanya, tangkapan ke atas dua suspek lelaki warga Indonesia berusia dalam lingkungan 30-an itu dilakukan selepas 16 jam operasi dijalankan kira-kira pukul 12 tengah hari keesokannya.

“Suspek telah diselamatkan nelayan bot pukut tunda dan nelayan pantai selepas terapung di lokasi berasingan di perairan berhampiran sebelum diserahkan kepada polis.